

12/06/2001

Mokhzani berhasrat lepas jawatan Penolong Bendahari

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Mokhzani Mahathir dikatakan berhasrat melepaskan jawatan sebagai Penolong Bendahari Pergerakan Pemuda Umno yang dipegang sejak 1996.

Hasrat itu disampaikan Mokhzani dalam pertemuan dengan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein di sini, petang ini.

Mokhzani yang dihubungi mengesahkan mengadakan pertemuan itu, tetapi memberitahu perjumpaan berkenaan bertujuan menyampaikan pandangannya mengenai rombakan barisan Exco Pemuda.

"Ya, saya ada bertemu dengan Hishammuddin kerana beliau ingin mendapat pandangan saya mengenai nama-nama barisan baru yang akan diumumkan esok. Pasal spekulasi jawatan saya ini, saya tak nak komen. Tunggu Hishammuddin umum esok," katanya.

Bagaimanapun, Mokhzani mengesahkan beliau sudah melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan minggu lalu dan jawatan itu akan diambil alih Hishammuddin.

Sumber-sumber memberitahu, jawatan Penolong Bendahari Pemuda dijangka diambil alih oleh Pengerusi Biro Hal Ehwal Pengguna, Affendi Zahari, dalam pengumuman rombakan barisan Exco pergerakan itu.

Semalam, Hishammuddin berkata, beliau akan mengumumkan rombakan besar yang akan membabitkan beberapa pemimpin negeri serta barisan Exco Pemuda.

Rombakan yang akan menggantikan beberapa muka lama dalam barisan kepimpinan negeri dan Exco Pusat, dibuat kerana Pemuda berasakan pergerakan itu memerlukan idea dan tenaga baru untuk tempoh kepimpinan selama tiga tahun akan datang.

Menurut sumber lain, Exco dilantik, Zein Isma Ismail mungkin digugurkan bagi membolehkan beliau memberi tumpuan pada peringkat bahagian selepas memenangi jawatan Naib Ketua Bahagian Selayang, baru-baru ini.

"Seorang lagi Exco dilantik, Sahar Sakar, juga mungkin digugurkan kerana tewas dalam pemilihan Pemuda Umno bahagian Libaran baru-baru ini. Tempat beliau mungkin digantikan dengan seorang calon lain dari Sabah untuk membantu Tawfiq Datuk Abu Bakar Titingan yang kekal sebagai Ketua Pemuda Negeri," kata sumber itu.

Ahli Parlimen Tampin, Shaziman Abu Mansor juga dijangka melepaskan jawatan Ketua Pemuda Negeri Sembilan, bagi memberi peluang kepada muka baru.

Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan, Mohd Norza Zakaria pula dijangka dilantik sebagai pengerusi biro itu manakala Timbalan Pengerusi Biro Briged Putra, Subahan Kamal disebut-sebut bakal dilantik Pengerusi Biro Pengaduan Awam, biro baru yang akan menggantikan Biro Perhubungan Awam.

Seorang lagi sumber berkata, Timbalan Pengerusi Biro Agama, Shamsul Najmi Shamsuddin dijangka mengetuai Biro Agama kerana pengerusi sekarang, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo sibuk dengan tugas rasmi sebagai Menteri Besar Selangor.

Kedudukan Shamsul juga semakin pasti lebih-lebih lagi setelah diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi Angkatan Muda Dakwah (Amud) yang dilancarkan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin.

Di Melaka, Exco Pemuda, Jamilluddin Jonit dijangka dilantik mengetuai Pemuda Negeri itu berdasarkan kedudukannya paling 'senior' dalam barisan kepimpinan Pemuda Melaka.

Pengerusi Biro Belia, Ismail Sabri pula dijangka menerajui biro yang ada

kaitan dengan pembangunan luar bandar berikutan kecenderungannya memperjuangkan isu berkaitan masyarakat luar bandar, terutama FELDA.

Pengerusi Biro Ekonomi, Wan Mohamad Khairil Anuar; Pengerusi Biro Antarabangsa, Dr Shamsul Anwar Sulaiman; Pengerusi Biro Pendidikan, Dr Adham Baba; Pengerusi Biro Bridged Putra, Azman Shah Omar Shah dan Pengerusi Biro Latihan Dr Zambry Abdul Kadir, dijangka dikekalkan.

(END)